

## TERMA DAN SYARAT PERADUAN

|  |   |
|--|---|
| <b><u>Penganjur:</u></b>               | F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)  |
| <b><u>Peraduan:</u></b>                | PERADUAN F&N BELI & MENANG EKSKLUSIF DI LOTUS'S ("Peraduan").   |
| <b><u>Tempoh Peraduan:</u></b>         | Peraduan bermula dari 00:00:00, 16/03/2023 dan berakhir pada 23:59:59, 10/05/2023 ("Tempoh Peraduan"). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.  |
| <b><u>Kelayakan:</u></b>               | Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk individu yang sah di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.   |
| <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>       | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Untuk menyertai Peraduan, beli minima bernilai RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas), Minuman 100PLUS dan F&amp;N turut serta ("Produk") yang disenaraikan di bawah dalam satu resit ("Resit") semasa Tempoh Peraduan dari mana-mana outlet ("Outlet") di Malaysia.</li><li>2. Produk-produk turut serta adalah:<ol style="list-style-type: none"><li>a. F&amp;N Minuman Berkarbonat: 325ml, 500ml, 1.1L &amp; 1.5L,</li><li>b. F&amp;N Kordial: 2L, dan</li><li>c. 100PLUS: 325ml, 500ml, 1.2L &amp; 1.5L.</li></ol></li><li>3. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point of sale Outlet Resit mesti mengandungi butiran pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo outlet ("Butiran Resit").</li><li>4. Penganjur tidak menerima sebarang pindaan Resit dalam apa jua bentuk. Resit Invois Cukai Bertulis, Pesanan Belian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima.</li><li>5. Kaedah penyertaan adalah melalui WhastApp sahaja. <b>Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penyertaan melalui WhatsApp.</b> Anda boleh menghantar setiap Resit sekali sahaja. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana penyertaan WhatsApp ("Penyertaan") dengan Resit yang berulang.</li></ol> |
| <b><u>Penghantaran Penyertaan:</u></b> | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Penyertaan WhatsApp:<ol style="list-style-type: none"><li>a. Tulis di depan Resit nama penuh anda seperti di MyKad dan 6 digit pertama nombor MyKad anda ("Butiran Peribadi").</li><li>b. Tangkap 1 (satu) gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format JPEG 1 (satu) Resit lengkap dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit anda ("Imej"). Butiran Resit mesti diunjukkan dengan jelas dan boleh dibaca dalam Imej tersebut. 1 (Satu) Imej mesti mengandungi 1 (satu) Resit sahaja.</li></ol></li></ol>   |

|  |  |
|--|--|
|  | <p>c. Imbas Kod QR &amp; hantar “consentWA” melalui WhatsApp ke <b>6018 228 0988</b> dari mana-mana nombor mudah alih yang didaftarkan di Malaysia. Ini adalah untuk memberikan persetujuan anda untuk menerima komunikasi lanjut melalui WhatsApp daripada nombor WhatsApp yang dinyatakan di atas. Anda hanya perlu memberikan kebenaran anda sekali sahaja.</p> <p>d. Sebaik sahaja anda telah memberikan persetujuan anda, HANTARKAN imej anda yang mengandungi Butiran Peribadi dan Butiran Resit ["Penyertaan"].</p> <p>e. Penganjur AKAN auto-balas dengan menghantar mesej perakuan penerimaan untuk Penyertaan pertama yang diterima oleh setiap nombor mudah alih sahaja.</p> <p>2. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya. Penyertaan yang tidak jelas, tidak dapat dibaca dan tidak lengkap akan dibatalkan. Semua penyertaan yang diterima tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak secara mutlak untuk membatalkan penyertaan yang tidak lengkap dan/atau dengan gambar/imej yang tidak jelas dan tidak boleh dibaca, Resit dicetak semula dan/atau Resit berulang dan/atau mengandungi lebih dari 1 (satu) Resit dan/atau Penyertaan yang lewat diterima (iaitu penyertaan yang diterima selepas <b>23:59:59, 10/05/2023</b>) tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak.</p> <p>3. Penganjur berhak untuk meminta Resit asal [salinan cetak] sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.</p> <p>4. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan.</p> |
| <p><b><u>Peluang Kemenangan:</u></b></p> | <p>1. Semua Penyertaan Layak (“Penyertaan Layak”) diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Peraduan akan diperuntukkan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar.</p> <p>2. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Untuk setiap RM15 (Ringgit Malaysia Lima Belas) jumlah pembelian Produk, Penganjur akan memperuntukkan 1 (satu) nombor bersiri dan maksima sehingga 10 (sepuluh) nombor bersiri. Sebarang amaun baki akan dibatalkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Resit telah diperuntukkan. Sila rujuk Maklumat Pengadilan di bawah.<br/> <u>Sebagai contoh:</u><br/> Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM17.50 dalam satu resit, Penganjur akan memperuntukkan 1 (satu) nombor bersiri.<br/> Jika anda membeli jumlah produk bernilai RM179.50 dalam satu resit, Penganjur akan memperuntukkan 10 (sepuluh) nombor bersiri.</p> <p>3. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri “1”.</p>  |

|  |   |
|--|---|
| <p><b><u>Hadiah Mingguan:</u></b></p>                    | <ol style="list-style-type: none"> <li>Hadiah Mingguan untuk dimenangi bagi setiap minggu selama 8 (lapan) minggu berturut-turut adalah seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> <li>1 (Satu) Hadiah Pertama berupa Baucar HABIB Jewel bernilai RM2500.</li> <li>1 (Satu) Hadiah Kedua berupa Baucar PELANCONGAN bernilai RM1000.</li> <li>30 (Tiga Puluh) Hadiah Sagu Hati berupa Baucar LOTUS'S bernilai RM50 setiap satu.</li> </ol> </li> <li>Terdapat sejumlah 8 (lapan) Hadiah Pertama, 8 (lapan) Hadiah Kedua dan 240 (dua ratus empat puluh) Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.</li> <li>8 (lapan) tempoh mingguan adalah seperti yang berikut: <p>Minggu 1: 16/03/2023 – 22/03/2023      Minggu 2: 23/03/2023 – 29/03/2023</p> <p>Minggu 3: 30/03/2023 – 05/04/2023      Minggu 4: 06/04/2023 – 12/04/2023</p> <p>Minggu 5: 13/04/2023 – 19/04/2023      Minggu 6: 20/04/2023 – 26/04/2023</p> <p>Minggu 7: 27/04/2023 – 03/05/2023      Minggu 8: 04/05/2023 – 10/05/2023</p> </li> </ol>  |
| <p><b><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Mingguan:</u></b></p> | <ol style="list-style-type: none"> <li><b><u>Hadiah Mingguan Pertama dan Kedua:</u></b> Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak untuk setiap minggu akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan 2 (dua) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan Pertama dan Kedua minggu tersebut. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.<br/><b><u>Sebagai contoh:</u></b> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk peraduan berjumlah 1289, 1289 akan dibahagikan dengan 2 yang bersamaan dengan 644.50 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 644. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 644. 2 (Dua) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 644 iaitu: 644 akan menjadi Finalis terpilih Hadiah Pertama Mingguan minggu tersebut, dan 1288 akan menjadi Finalis terpilih Hadiah kedua Mingguan minggu tersebut.</li> <li><b><u>Hadiah Sagu Hati Mingguan:</u></b> Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan Layak untuk setiap minggu akan disusun kira yang kemudiannya akan dibahagikan dengan 30 (tiga puluh) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Sagu Hati Mingguan minggu tersebut. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.<br/><b><u>Sebagai contoh:</u></b> Jika nombor bersiri Penyertaan Layak untuk peraduan berjumlah 309, 309 akan dibahagikan dengan 30 yang bersamaan dengan 10.30 yang akan dibundarkan ke bawah kepada 10. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini ialah 10. 30 (Tiga puluh) Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan pengganda 10 iaitu: 10, 20, 30, 40, 50, 60, 70, 80, 90 dan seterusnya akan disenaraikan sebagai finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan minggu tersebut.</li> </ol> |
| <p><b><u>Penebusan Hadiah:</u></b></p>                   | <ol style="list-style-type: none"> <li>Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi 1 (satu) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi</li> </ol>  |

|  |  |
|--|--|
|  | <p>Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang disiarkan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis yang telah hilang kelayakan tersebut.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.</li> <li>3. Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi seperti Nama Penuh seperti di MyKad, nombor MyKad, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah.</li> <li>4. Throughout the Contest Period each Participant can only win: Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya boleh memenangi: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. 1 (Satu) Hadiah Pertama Mingguan,</li> <li>b. 1 (Satu) Hadiah Kedua Mingguan, dan</li> <li>c. 1 (Satu) Hadiah Sagu Hati Mingguan.</li> </ol> </li> <li>5. Semua hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu dari tarikh tamat Peraduan ke Alamat Penghantaran yang diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah fasal ini diatas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur.</li> <li>6. Semua pemenang mesti mematuhi terma &amp; syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma &amp; Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.</li> <li>7. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di laman Facebook Penganjur di: <a href="http://www.facebook.com/my100plus">www.facebook.com/my100plus</a>, <a href="http://www.facebook.com/FnNFunMalaysia">www.facebook.com/FnNFunMalaysia</a> dan di laman web: <a href="https://www.fn.com.my/promotions-contests/">https://www.fn.com.my/promotions-contests/</a></li> </ol> |
| <p><b><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></b></p>                    | <p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 10/05/2023. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>   |
| <p><b><u>Liabiliti, Tanggungjawab dan Hak Penganjur:</u></b></p> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma &amp; Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.</li> <li>2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.</li> </ol>   |

3. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang.
4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
5. Semua Peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
7. Penganjur berhak untuk menarik balik penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
9. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya meminda Terma dan Syarat, yang ditetapkan di sini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta Peraduan ini, dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan, mekanisme Peraduan, hadiah atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, pengubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur bagi hadiah, Peraduan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melayakkan Peserta untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau barangan) untuk mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pengubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan.
11. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau

|  |   |
|--|---|
|  | <p>pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>   |
| <p><b>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</b></p> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&amp;N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&amp;N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&amp;N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. F&amp;N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&amp;N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).</li> <li>2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di <a href="mailto:fulfilment@omniteam.com.my">fulfilment@omniteam.com.my</a>. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.</li> </ol> |
| <p><b>Terma Lain:</b></p>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma &amp; Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma &amp; Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.</li> <li>2. Terma &amp; Syarat Peraduan ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di laman Facebook Penganjur <a href="https://www.facebook.com/my100plus">www.facebook.com/my100plus</a>, <a href="https://www.facebook.com/FnNFunMalaysia">www.facebook.com/FnNFunMalaysia</a> dan di laman web: <a href="https://www.fn.com.my/promotions-contests/">https://www.fn.com.my/promotions-contests/</a> akan diguna pakai.</li> <li>3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi laman Facebook Penganjur di: <a href="https://www.fn.com.my/promotions-contests/">https://www.fn.com.my/promotions-contests/</a></li> </ol>  |